

Siri 19 27082019  
Tarbiyah Pengasas

# KHIDMAT KEPADA GURU

Muhammad Syukri Salleh

# 1. CERITA

1. **IMAM SYAFIE** pernah berkata kepada **SUFYAN UYAINAH**: "Begitu ramai yang datang menuntut ilmu denganmu tetapi sering kali kamu **bersikap garang** dengan mereka."

Sufyan menjawab, "Mereka adalah **manusia bodoh** sekiranya mereka meninggalkan **apa yang memberi manfaat** disebabkan **perilaku burukku** terhadap mereka."

2. **IMAM SYAFIE**: "Jika kamu tidak tahan **penatnya belajar**, maka kamu akan menanggung **peritnya kebodohan**".

## 2. ASAL MULA

- ❑ Bina ISDEV dengan **kelainan**.
- ❑ Kelainan itu diharap mampu mengatasi masalah pengajaran-pembelajaran masa itu
  - ❖ **Ilmu** yang tidak Islamik
  - ❖ **Kaedah pengajaran pembelajaran** moden [bukan amalan tradisional Islam]
  - ❖ **Kaedah pengajaran-pembelajaran** tidak sampai ke hati

## 2. ASAL MULA

□ Kelainan itu **menentang arus** dan sangat besar  
**cabaran**nya

□ **Solusi**

- ❖ Kejayaan akan dapat dicapai dengan hanya **bantuan Allah SWT**
- ❖ Antara kaedah mendapat bantuan Allah SWT ialah dengan **beramal dengan yang sunat**
- ❖ Antara kaedah mendapat barakah ilmu ialah dengan **beradab dengan guru** dan **berkhidmat kepada guru.**

### **3. CONTOH ADAB MURID TERHADAP GURU**

**IMAM SYAFIE RA** tidak berani **menyelak helaian kitabnya** melainkan dengan cara yang sangat perlahan kerana bimbang bunyi itu mengganggu **Imam Malik**, gurunya.

**IMAM RABI'** tidak berani **minum** walau seteguk air sekalipun di hadapan **Imam Syafie RA** (gurunya) kerana sangat hormat kepada gurunya.

**IMAM NAWAWI (*Lawaqihul Anwaaril Qudsiyyah*)** ketika hendak belajar kepada gurunya, selalu **bersedekah di perjalanan** dan berdoa: "Ya Allah, **tutuplah dariku kekurangan guruku**, hingga mataku tidak melihat kekurangannya. Dan **tidak seorangpun** yang menyampaikan kekurangan guruku kepadaku".

### **3. CONTOH ADAB MURID TERHADAP GURU**

**IBNU ABBAS** sewaktu ingin menuntut ilmu dengan **Zaid** sanggup **menunggu di hadapan rumah gurunya** sehingga terbit matahari kerana tidak mahu menganggu gurunya sedang tidur.

**SEORANG MURID** tidak kisah dengan kemunculan **Nabi Khidir** walaupun beliau kenal Nabi Khidir kerana merasakan **gurunya sudah cukup baginya**, dan beliau tidak ada apa-apa hajat lagi daripada Nabi Khidir.

## 4. IMPLIKASI ADAB MURID TERHADAP GURU

**AL HABIB ABDULLAH AL HADDAD (*Adab Sulukil Murid*):** "Paling bahayanya bagi seorang murid, adalah **berubahnya hati gurunya** kepadanya. Seandainya seluruh wali dari timur dan barat ingin memperbaiki keadaan si murid itu, niscaya tidak akan mampu **kecuali gurunya telah ridha kembali**".

**IMAM NAWAWI (*At Tahdzib*):** "Durhaka kepada orang tua dosanya bisa hapus oleh taubat, tapi **durhaka kepada gurumu** tidak ada satupun yang dapat menghapusnya".

## 5. HIKMAH KHIDMAT MURID TERHADAP GURU

**SYEIKH NURUDDIN AL-BANJARI:** "Doa daripada anak murid kepada gurunya adalah sesuatu yang wajar dan biasa. Namun, yang luar biasa adalah **doa daripada seorang guru** buat muridnya. Yang **mengundang ingatan** guru kepada muridnya ialah **khidmat bakti muridnya**. Khidmat adalah

- 1. Pembuka kepada ilmu**
- 2. Pembuka pintu kepada murid**

## **5. HIKMAH KHIDMAT MURID TERHADAP GURU**

**AL IMAM AL HABIB ALI BIN HASAN ALATAS (*Manhajus Sawiy*):** "Memperoleh ilmu, futuh dan cahaya (terbukanya hijab-hijab batinnya), adalah sesuai **kadar adabmu terhadap gurumu. Kadar besarnya gurumu di hatimu.** Maka demikian pula kadar besarnya dirimu di sisi Allah tanpa ragu".

**SEBAHAGIAN ULAMA** pernah berpesan: "Sesiapa yang **tidak mahu berkhidmat** (kepada gurunya), dia akan menyesal."

## 5. HIKMAH KHIDMAT MURID TERHADAP GURU

**HABIB 'UMAR BIN 'ABDUR RAHMAN AL-'ATTAS** (penyusun Ratib al-'Attas) mengajar **SYAIKH 'ALI BIN 'ABDULLAH BAARAAS** (murid kesayangannya) dengan menyuruh Syaikh 'Ali **membuat kerja-kerja rumah** seperti menyapu, mengembala kambing dan lain-lain sehingga **iblis datang** menggoda Syaikh 'Ali ketika sedang menimba air di perigi menyuruh Syaikh 'Ali belajar di tempat lain.

Syaikh 'Ali mengadu kepada gurunya. Gurunya menyuruh Syaikh 'Ali membaca beberapa fasal permulaan **kitab Bidayatul Hidayah** yang ada pada Syaikh 'Ali dan **mengijazahkan** kepada Syaikh 'Ali ilmu Syariat, ilmu Thoriqat dan ilmu Hakikat. Syaikh 'Ali kemudiannya menjadi rujukan orang tentang ilmu-ilmu ini.

## **5. HIKMAH KHIDMAT MURID TERHADAP GURU**

**IMAM GHAZALI** berkhidmat kepada gurunya (**penjual daging**) dengan menyapu sampah, menyuci longkang, dan membersihkan tandas, hingga akhirnya mendapat ilmu ladunni.

**Khidmat kepada guru = tawadho' dan bermuhajadah dengan ego.**

## 5. HIKMAH KHIDMAT MURID TERHADAP GURU

**SYEIKH CARI PENGGANTI DENGAN UJI KHIDMAT:** Seorang guru di pasentren cari penggantinya dengan **menjatuhkan penya** ke dalam tandas dan melihat siapakah dalam kalangan muridnya sanggup tolong mengambilnya. Semua membuat tidak tahu, kecuali seorang. Beliau masuk ke dalam tandas hingga ke dasarnya untuk mengambil pen tersebut.

Guru tersebut mengalirkan airmata sambil berdoa: "Ya Allah, **aku redha dia**, sebagai anak muridku. Ya Allah. Ya Allah, kau **turunkanlah ilmu yang Kau berikan padaku, mengalir kepadanya.**"

Doa guru tersebut terus dikabulkan Allah SWT.

## 5. HIKMAH KHIDMAT MURID TERHADAP GURU

**DR ILYAS, Universiti Islam Islamabad** (alumni Post-Doctoral Fellow ISDEV): **Mengurut gurunya** walau pun gurunya tertidor sehingga lewat malam kerana gurunya tidak minta dia berhenti mengurut. Apabila tersedar, guru tersebut berdoa agar Allah SWT turunkan ilmu kepada Dr Ilyas sehingga beliau menjadi cerdas dan Berjaya cemerlang dalam pengajiannya.

# 5. HIKMAH KHIDMAT MURID TERHADAP GURU

## **NABI MUSA BERKHIDMAT KEPADA NABI SYU'IB**

selama **8 tahun** (sebagai mas kahwin) dan 2 tahun (sebagai sukarela) sebelum mengahwini Shafura, anak Nabi Syu'ib. Dalam waktu sepanjang itu, tentulah banyak Nabi Musa belajar dengan Nabi Syu'ib.

Diceritakan dalam al-Qur'an surah Al-Qashash, ayat 22 sehingga ayat 28.

## 5. HIKMAH KHIDMAT MURID TERHADAP GURU

**TSABIT BIN IBRAHIM** (atau Abu Salih) berkhidmat kepada **Abdullah Sawmai** (tuan kebun epal) selama **12 tahun** kerana termakan **sebiji epal** Abdullah Sawmai yang hanyut. Kemudian Tsabit diminta berkahwin dengan anak Abdullah Sawmai bernama Ummu Khair Fatimah yang dikatakan “**buta, tuli dan lumpuh**”. Tasbit memenuhi kedua-duanya untuk memenuhi syarat Abdullah untuk menghalalkan epal yang dimakannya. Mereka kemudian mendapat anak bernama **Al Imam Abu Hanifah An Nu'man bin Tsabit**. Selama 12 tahun itu, tentulah banyak Tasbit belajar daripada Abdullah.

# 6. DI ISDEV?



- Setakat mana adab pelajar kepada pensyarah?
- Setakat mana pelajar berkhidmat kepada guru?



Terima kasih